

# Misi Topi Bulat

## MENGGAPAI IMPIAN, SEJUTA HARAPAN

Oleh

SARINI AHMAD WAKID

Pusat Pengajian Biologi, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, Pekan Parit Tinggi, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan

[sarini@uitm.edu.my](mailto:sarini@uitm.edu.my)

Editor: Nursyazni Abdul Rahim

**Langkah** untuk memulakan perjalanan

PhD ini bermula sebelum saya memulakan tugas di UiTM. Ketika itu saya masih bertugas di sebuah universiti awam sebagai pengajar sementara. Oleh kerana beberapa kekangan, ianya tertangguh walaupun saya telah mendapat tempat dan biasiswa. Saya meneruskan karier dengan berkhidmat di sebuah institusi pengajian tinggi swasta sebelum saya menyertai barisan tenaga pengajar akademik UiTM Kampus Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Masa berlalu dengan pantas tanpa sedar, lebih sedekad saya menanggungkan perjalanan PhD ini rupanya!

Lantas, saya tidak lagi teragak-agak untuk mengambil peluang dalam permohonan biasiswa bersama beberapa teman rapat. Syukur, akhirnya saya berpeluang untuk melanjutkan pengajian di Fakulti Sains, UPM dengan tajaan oleh Southeast Asean Regional Center for Graduate Study and Research in Agriculture (SEARCA) dan UiTM. Saya mendapat bimbingan dan dorongan dari penyelia dari UPM (Prof. Madya Dr Nor Azwady Abd Aziz) dan UM (Prof Madya Dr Zazali Alias) yang bersama sejak dari awal penyediaan kertas cadangan sehingga pelaksanaan projek penyelidikan.

PhD Research  
Journey  
Sarini  
Ahmad Wakid



**Gambar 1. Sarini Ahmad Wakid, bergambar kenangan ketika penyampelan lokandi Hutan Paya Bakau Sungai Sepang Besar**

Terima kasih juga kepada penyelia bersama (Prof Madya Dr Muskhazli Mustafa, Dr Wan Mohd Syazwan Wan Solahudin, Dr Syaizwan Zahmir Zulkifli) yang turut membantu memberi cadangan dan pemantauan berterusan keatas projek yang dijalankan. Pihak penaja iaitu SEARCA juga sering mengadakan kursus dan bengkel yang bersesuaian untuk membantu pelajar tajaan dalam menjalankan kajian penyelidikan. Tajaan yang diberikan juga sangat membantu dalam penyediaan keperluan penyelidikan. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak pengurusan dan staf-staf di Fakulti Perubatan UiTM yang memberi ruang dan kebenaran untuk saya menjalankan penyelidikan di makmal Insititut Bioteknologi Perubatan Molekul (IMMB) di Kampus UiTM Sungai Buloh, Selangor.

"Kajian saya adalah mengenai kesan logam berat yang terlibat dalam pencemaran marin ke atas enzim yang terkandung didalam lokan iaitu sejenis bivalvia yang boleh diperolehi di paya bakau. Pengalaman dikejar anjing, bertembung ular, terbenam didalam selut pasti akan menjadi kenangan apabila penyelidikan ini tamat." – Sarini Ahmad Wakid

Saya sentiasa mendapat bantuan dan sokongan penuh daripada suami yang turut serta ke lapangan kajian. Beliau meluahkan masa dan tenaga untuk sama-sama meredah paya dan belukar, hanya untuk memastikan saya memperoleh sampel kajian yang mencukupi dan melindungi saya dari bahaya persekitaran. Umum diketahui hutan paya bakau mempunyai cabaran dan bahaya yang tersendiri. Selain buaya dan haiwan berbisa, sampah sarap yang terkumpul dengan sisa kaca dan logam dan pelbagai jenis bahan pencemar yang lain.

Saya memulakan pengajian pada 12 Oktober 2020 dimana negara masih dilanda pandemik dan proses pembelajaran semester pertama dan kedua dilaksanakan secara atas talian. Agak gementar dan kekok untuk saya keluar dari zon selesa di kampus, dan meninggalkan kediaman saya di Kuala Pilah, kembali ke lembah Klang untuk tempoh 3 tahun ini. Dikurniakan enam cahayamata, yang kini berada di 3 peringkat usia yang berbeza juga memerlukan perhatian dan masa yang lebih. **Semoga perjuangan PhD ini sedikit sebanyak memberi inspirasi kepada anak-anak saya untuk melanjutkan pengajian mereka apabila tiba masanya kelak.** Anak-anak saya juga turut bersama ke lapangan untuk pengambilan sampel kajian!



Gambar 2 dan 3. Penulis bersama suaminya yang tidak putus memberikan semangat seterusnya menjadi pemangkin utama dalam perjalanan misi 'Topi Bulat' ini.



Gambar 4. Penulis bersama rakan seperjuangan ketika dikhabarkan berita gembira menerima tajaan Basiswa Antarabangsa untuk pengajian Doktor Falsafah.

Cabaran akan sentiasa ada, ujian yang datang dalam pelbagai cara. Untuk menghadapinya, kita memerlukan sokongan dan dorongan dari insan-insan tersayang. 19 Mei 2021, disaat umat islam masih meraikan Aidilfitri, saya kehilangan insan yang sangat penting dalam hidup saya. Insan yang sedari kecil saya panggil 'Bapak' telah dijemput kembali (Al-Fatihah). Mengimbas kembali, usai pendaftaran pengajian PhD saya menyampaikan berita kepada bapak walaupun keadaan bapak yang terlantar sakit tidak mampu berkata apa-apa, tapi saya yakin, bapak dapat mendengar kisah saya. Saya katakan padanya, saya melanjutkan pengajian yang tertangguh sejak bapak menghadiri majlis konvokesyen sarjana saya dan beliau menyokong hajat saya untuk melanjutkan pengajian.

Ibu saya terlebih dahulu meninggalkan kami 11 adik beradik pada awal 2017, dan menjadi harapan ibu dan bapa saya, agar satu hari nanti saya berjaya menamatkan pengajian diperingkat PhD. Ahli keluarga sangat memainkan peranan memberi bantuan dan sokongan untuk saya meneruskan pengajian ini. Disaat saya menghadapi masalah, merekalah tempat saya mengadu dan meminta pandangan kerana merekalah insan-insan yang mengenali diri saya yang kerdil ini. Saya tidak bersendirian dalam perjalanan PhD ini, kerana saya tahu, Allah sentiasa ada dan sebaik-baik pelindung. Saya juga ada ahli keluarga dan rakan-rakan baik yang sentiasa ada sudi mendengar kisah saya. Saya tidak memendam perasaan sendirian kerana saya bimbang ianya akan meracun diri saya sendiri. Saya lebih bersikap terbuka dan meluakannya dan ianya membantu saya untuk tidak tertekan secara emosi, kekal ceria dan menjadi normal sentiasa. Saya mengambil peluang sekiranya berkelapangan untuk berjumpa dengan teman-teman rapat untuk sama-sama berbual dan berbincang. Berpegang pada ungkapan **'Bercinta biarlah satu, berkawan biarlah seribu'**.

Saya juga mendapat ramai kenalan baru sepanjang pengajian ini, bermula secara maya terutamanya jika berkaitan dengan penyelidikan, saya berhubung dengan penyelidik-penyelidik dari fakulti dan universiti berlainan dalam kelompok bidang yang sama. Perkongsian ilmu yang diperolehi sangat bermanfaat dan saya terus kekal berhubung dengan mereka. Saya memegang kata-kata keramat ini; **Hidup ini tidak perlu bersendirian, carilah insan yang sudi mendengar dan memberi pandangan sekiranya kita memerlukan.** Dengan dorongan dan semangat dari pasangan, ahli keluarga, teman-teman rapat dan rakan-rakan seperjuangan, saya sentiasa berdoa semoga perjalanan PhD saya dan rakan seperjuangan yang bersama-sama melanjutkan pengajian agar dipermudahkan semua urusan dan pastinya senyuman indah akan terukir dipengakhirannya.



**Gambar 5. Penulis bersama teman-teman rapat yang tidak pernah jemu mendengar segala keluh-kesah penulis.**



**Gambar 6 dan 7. Tekun mengumpul data dan menyempurnakan kaedah kajian**

Semoga tempoh cuti belajar selama 36 bulan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan saya sangat menghargai peluang yang diberikan oleh pihak penaja SEARCA dan UiTM. Memetik ayat suci dari Kalam Allah SWT; **"Apa saja yang Allah anugerahkan kepada manusia berupa rahmat, maka tidak ada seorang pun yang dapat menahannya"** (Surah Fatir, ayat 2). Terima kasih juga kepada pihak pengurusan UiTM CNS dan semua individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung selama ini. Penghargaan kepada rakan-rakan Pusat Pengajian Biologi, UiTM CNS yang menggalas tugas akademik sepanjang saya dan rakan-rakan lain menyambung pengajian kami. Berbaki setahun sahaja lagi, saya mohon doa dari semua agar saya mampu menyelesaikan semua tugas dan kembali berkhidmat serta menyumbang bakti ke UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Menggapai impian, sejuta harapan..semoga dipermudahkan.....

**"at times I may think everything is going wrong. yet I don't realize that Allah is setting everything right."**  
-Sarini Ahmad Wakid